

UM - 5 DEC 1992

Salam hormat buat Basri

PERDANA Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad dalam ucapan penangguhan pada Perhimpunan Agung UMNO Malaysia baru-baru ini, antara lain menganjurkan supaya ahli-ahli parti itu mengamalkan empat sifat utama Nabi Muhammad S.A. W.

Oleh kerana bab ini hampir tercecir daripada liputan media massa, maka eloklah penulis bentangkan empat sifat mulia insan yang disenaraikan paling atas dalam buku *THE 100—A Ranking of the Most Influential Persons in History* oleh Michael H. Hart itu.

Empat sifat utama Muhammad yang diwahyukan supaya memimpin manusia sejagat itu ialah siddik, amanah, tabligh dan fatanah.

Apa kena mengena empat sifat Muhammad ini dengan urusan sukan? Sebenarnya inilah juga sifat yang perlu ada pada para pemimpin persatuan sukan di Malaysia, khususnya yang beragama Islam. Kenapa begitu?

Siddik: Ertinya benar, tetapi perkembangan dalam dunia sukan pada akhir-akhir ini menampakkan ada pemimpin sukan yang tidak benar.

Mereka bercakap hari ini begitu dan esok begitu. Dalam bahasa kedai kopi, mereka ini suka temberang. Kenapa mereka suka bercakap temberang? Adakah kerana menjaga kepentingan persatuan yang dipimpin atau memelihara kepentingan peribadi?

Atau adakah mereka ini takut kepada sesuatu yang boleh menjejaskan kepentingan atau kedudukan mereka? Jika penakut janganlah jadi pemimpin kerana setiap pemimpin, dalam apa jua bidang, mestilah berani. Janganlah terlalu mementingkan kedudukan dan pangkat. Pemimpin begini tidak ikhlas dan sampai kiamat pun tidak akan menegakkan keadilan.

Amanah: Ertinya sentiasa bertindak mengikut batas yang ditetapkan oleh undang-undang, peraturan hidup, peraturan persatuan dan menyempurnakan tanggungjawab yang diletakkan ke atas bahu sebagaimana yang diamanahkan.

Umumnya, seseorang itu dianggap tidak amanah jika dia mengambil wang yang bukan haknya. Tetapi konsep amanah adalah lebih luas dari itu.

Seseorang pemimpin persatuan sukan mestilah menjaga kepentingan persatuannya. Persatuan ditubuhkan untuk membangunkan dan memajukan sukan berkenaan. Sudah tentu seseorang pemimpin tidak amanah jika tindak-tanduknya membantut kegiatan sukan berkenaan.

Tabligh: Ertinya menyeru kepada kebaikan. Adakah jika orang lain melakukan sesuatu yang tidak betul, kita hanya sekadar berpeluk tubuh atau ikut turut bersubahat.

Jika kita tergolong dalam kategori ini, maka belumlah layak kita menjadi pemimpin. Eloklah menjadi yang dipimpin, supaya tidak masuk gaung mereka yang kita pimpin.

Fatanah: Ertinya bijaksana. Orang yang mempunyai kelulusan tinggi lazimnya dianggap cerdik, tetapi belum tentu bijaksana. Seringkali kebijaksanaan hanya memerlukan *common sense*.

Seseorang pemimpin perlu bijaksana dan tidak semestinya sangat cerdik. Sebab itu seringkali kedapatan orang yang tidak berkelulusan tinggi menjadi pemimpin kepada mereka yang dianggap lebih berpendidikan, khususnya dalam bidang yang tidak memerlukan kemahiran canggih seperti sukan.

Wahai para pemimpin sukan, inilah pesanan yang hamba ingin sampaikan sebagai menyambung amanat Dr. Mahathir kepada Perhimpunan Agung UMNO baru-baru ini. Jika tidak sanggup menjunjung nilai-nilai ini, silalah beri peluang kepada orang lain yang lebih layak.

Penulis ingin mengakhiri coretan ini dengan mengucapkan salam hormat kepada Dato' Ahmad Basri, Timbalan Presiden Persatuan Bolasepak Kedah. Walau apapun pendapat orang terhadap kenyataannya mengenai kedudukan Presiden FAM baru-baru ini, dia berani mengeluarkan pendapat yang diyakininya benar.

Jumpa lagi Sabtu depan.

Hamzah Sidek

si
a